

## **Eksplorasi Pekerja Asing, Halangan dan Cabaran di Sektor Pembinaan**

### ***(Exploitation of Foreign Workers, Obstacles and Challenges in the Construction Sector)***

MAIZATUL AZIAN MARJUKI\*

Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding author: qumaiy\_96@yahoo.com

#### **ABSTRAK**

Kehadiran pekerja asing amat penting untuk pembangunan ekonomi. Kehadiran pekerja asing ke negeri Sabah juga menjadi isu paling besar dan sukar untuk diselesaikan sejak tahun 1990an. Pekerja migran datang ke negara Malaysia untuk mencari pendapatan walaupun mereka ditawarkan gaji yang rendah, keadaan tempat kerja kurang selesa dan dipaksa bekerja lebih daripada waktu yang sepatutnya. Ini telah mendorong berlakunya kegiatan perdagangan orang. Kementerian Dalam Negeri (KDN) berusaha memansuhkan sistem pengambilan pekerja asing melalui ejen atau syarikat tertentu dan mengubah dasar pengurusan pekerja asing.

Kata kunci: Cabaran, eksploitasi, halangan, Malaysia, migran, pekerja asing

#### **ABSTRACT**

*The presence of foreign workers is very crucial in the development of our country. Their presence in Sabah has created a big issue and it is difficult to be solved since 1990s. Migrant workers migrate to Malaysia in search of income although they are offered a low salary, uncondusive living arrangements and long working hours. This has encouraged the rise of human trafficking. Ministry of Internal Affairs Malaysia is trying to solve this issue by abolishing recruitment of foreign workers through agents and rectify the policy on managing and recruiting foreign workers.*

*Keywords: Challenges, exploitation, foreign workers, obstacles, Malaysia, migrant*

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution Non Commercial Share Alike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

#### **PENGENALAN**

Pekerja asing telah menjadi satu bahagian daripada sistem ekonomi negara. Sesebuah negara mahupun negeri akan berusaha membangun untuk memajukan ekonomi tidak akan terlepas daripada mengakui kepentingan pendatang khususnya pekerja asing dalam sistem ekonomi negara. Dalam hal ini, Malaysia juga tidak terkecuali kerana isu pekerja asing merupakan salah satu isu yang hangat diperkatakan dan juga merupakan isu yang sangat penting dalam ekonomi negara. Sabah merupakan sebahagian daripada negara Malaysia juga turut tidak terkecuali daripada mengalami masalah keperluan pekerja asing. Keperluan buruh yang mendesak menyebabkan Malaysia khususnya negeri Sabah menjadi tumpuan buruh asing dan kehadiran mereka ini juga sangat diperlukan untuk membangunkan ekonomi di tempat tersebut.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 1990an, kehadiran mereka dengan jumlah yang begitu besar terutamanya di bandar-bandar utama menyebabkan kumpulan ini bukan sahaja menimbulkan masalah jenayah mahupun sosial, namun mereka juga turut dilihat sebagai ancaman identiti dan politik terhadap negeri Sabah (Azizah, 2002). Namun, jika dilihat daripada kaca mata ekonomi, kehadiran mereka ini dilihat sebagai suatu yang penting kepada pembangunan ekonomi negeri Sabah.

Kehadiran pekerja asing dikatakan amat penting untuk pembangunan ekonomi negeri adalah kerana keengganan penduduk tempatan atau pekerja tempatan terlibat dalam sektor ekonomi yang mencabar ini. Hal ini menyebabkan Kerajaan Negeri Sabah terpaksa mengambil sejumlah besar pekerja asing terutamanya pekerja dari negara jiran iaitu Filipina dan Indonesia untuk bekerja dalam sektor-sektor ekonomi khususnya sektor pembinaan. Kehadiran pekerja asing ke negeri Sabah juga menjadi isu paling besar dan sukar untuk diselesaikan sejak tahun 1990an. Tetapi isu kekurangan tenaga kerja juga merupakan satu isu penting dalam pembangunan ekonomi negeri dan isu tersebut telah menjadi hambatan utama terhadap negeri Sabah untuk mencapai pembangunan ekonomi yang setanding dengan negeri-negeri yang maju di Semenanjung Malaysia.

Berkaitan dengan kepesatan pembangunan ekonomi pula, meskipun negeri Sabah mengalami permasalahan berkaitan pekerja asing, ia n ya bukanlah suatu halangan untuk menjadikan negeri Sabah sebagai negeri yang terus membangun dari segi ekonomi dan struktur pembangunan. Sabah telah mencatat kedudukan tempat kelima di Malaysia yang mengalami kepesatan pembangunan ekonomi selepas negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak dan Johor.

Tambahan lagi, sejak tahun 2010, nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Sabah mencatat sebanyak RM58.1 bilion dan selepas lima tahun kemudian, iaitu awal tahun 2015, jumlah tersebut meningkat kepada RM70.4 bilion dengan pendapatan per kapita sebanyak RM19,734. Maka, dengan ini dapat disimpulkan bahawa pencapaian tersebut menunjukkan bahawa persepsi segelintir masyarakat yang mengatakan Sabah sebagai negeri termiskin adalah tidak tepat kerana negeri ini sentiasa mengalami peningkatan ekonomi dari tahun ke tahun. Bukan itu sahaja, negeri Sabah juga mampu menjadi sebuah negeri yang pesat membangun dan menjadi kebanggaan bagi seluruh rakyat Malaysia khususnya rakyat negeri Sabah.

## **METODOLOGI DAN SUMBER DATA**

Kajian ini menggunakan sumber sekunder daripada pelbagai rujukan. Sumber-sumber yang dikaji adalah daripada artikel-artikel, buku-buku dan laporan-laporan media dan institusi kerajaan. Pengkaji telah meneliti sumber-sumber tersebut dengan mendalam untuk memahami isu yang dikaji. Ada sebahagian isu yang dikaji terhad daripada sumber sekunder. Ini adalah batasan kajian ini

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Eksplotasi Dalam Sektor Pembinaan**

Eksplotasi bermaksud suatu perbuatan mengambil kesempatan terhadap seseorang atau sesuatu secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan sendiri. Selain itu, eksploitasi dalam konteks pekerja pula adalah berbentuk satu pembayaran upah yang tidak setimpal dengan kerja mereka. Sebagai contoh, pekerja disuruh atau dipaksa bekerja tanpa henti, bekerja melebihi waktu kerja yang telah ditetapkan dan tidak diberikan hak sebagai pekerja. Eksplotasi ini kebiasaannya dilakukan oleh pihak majikan di sesebuah organisasi khususnya dalam sektor pembinaan. Eksplotasi terhadap pekerja asing ini berlaku disebabkan pentadbiran yang lemah, undang-undang tidak ketat dan pihak majikan tidak ambil tahu mengenai pengurusan pekerja migran yang datang dari negara lain untuk bekerja di Malaysia. Pihak majikan memandang remeh akan pengurusan pekerja asing walaupun mereka masuk ke negara Malaysia melalui saluran yang salah.

Tambahan lagi, pendedahan mengenai eksploitasi terhadap pekerja migran di Malaysia sangat menyedihkan kerana amalan tersebut masih wujud di negara yang membangun ini. Akan tetapi, amalan seperti eksploitasi pekerja migran di Malaysia ini tidak sedikit pun mengejutkan kerana amalan sedemikian pernah dibangkitkan dan dibahaskan sebelum ini. Pekerja migran datang ke negara Malaysia untuk mencari pendapatan walaupun mereka ditawarkan gaji yang rendah, keadaan tempat kerja kurang selesa dan dipaksa bekerja lebih daripada waktu yang sepatutnya. Tetapi sebaliknya berlaku yang mana perkara yang tidak diduga iaitu ramai pekerja migran yang datang ke Malaysia menjadi mangsa kegiatan negatif yang dilakukan oleh sesetengah pihak tidak bertanggungjawab.

Oleh disebabkan permintaan tenaga buruh yang tinggi di Malaysia juga, ia n ya telah mendorong berlakunya kegiatan perdagangan orang. Mengikut laporan Astro Awani yang dibuat oleh Sekretariat Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) iaitu Manickam (2016) menyatakan bahawa pekerja migran akan terdedah dan amat mudah menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Perkara ini menjadi kukuh lagi apabila beliau juga menyatakan Malaysia mempunyai rekod yang buruk dalam isu pemerdagangan manusia dan rekod tersebut menunjukkan pekerja dari beberapa negara seperti Indonesia, Kemboja, Filipina, Nepal dan Bangladesh.

Isu pemerdagangan manusia ini dapat dilihat di mana apabila pihak sindiket pemerdagangan manusia mengambil kesempatan ini dengan membekalkan buruh untuk mengaut keuntungan mereka. Sindiket-sindiket ini akan menyamar sebagai satu agensi pekerjaan untuk membantu pekerja migran tetapi di sebaliknya mereka akan mengeksploitasi pekerja-pekerja tersebut. Seperti yang dikatakan oleh Dolah and Abdullah (2017) dalam satu kajian menyatakan bahawa terdapat tiga asas dalam membezakan antara pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang telah diberikan oleh *United Nation Office on Drug and Crime (UNODC) (2010)* iaitu sumber keuntungan, transnasionaliti dan pemangsaan. Isu yang berlaku di Malaysia berkaitan dengan pemerdagangan orang iaitu dalam kalangan pekerja migran telah dikategorikan sebagai sumber keuntungan. Sumber keuntungan ini bermaksud di dalam pemerdagangan orang, sumber utama keuntungan adalah melalui pengeksplorasian yang dilakukan terhadap mangsa.

Selain itu, mereka diambil bekerja dalam sektor tersebut dengan menggunakan tipu muslihat bagi tujuan eksploitasi. Sebagai contoh tipu muslihat dari segi permit kemasukan pekerja migran ke negara Malaysia. Ramai pekerja migran ini kehilangan status sah sebagai pekerja apabila majikan tidak memperbaharui permit kerja mereka. Dalam hal ini, ia nya berlaku adalah kerana hampir kesemua majikan akan menyimpan pasport pekerja iaitu dokumen yang harus ditunjukkan atas permintaan pihak penguatkuasa seperti Pegawai Imigresen. Maka, ini menunjukkan bahawa hak asasi sebagai pekerja migran juga telah dirampas dan mereka turut teraniaya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Seperti yang dilaporkan oleh Sekretariat Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) iaitu Sivaranjani Manickan (2017) dalam laporan Astro Awanii, selain daripada pekerja migran diberi gaji yang murah, dipaksa bekerja melebihi waktu sepatutnya dan bekerja dalam persekitaran yang tidak selamat, mereka juga turut dipaksa membayar levi, yuran permit dan bayaran hospital yang tinggi bagi yang memerlukan rawatan kesihatan.

### **Sektor Pembinaan Yang Mengeksploitasi Pekerja Asing**

Dengan mengambil pekerja asing sebagai pekerja di sektor pembinaan ini, terdapat beberapa halangan atau kekangan yang terjadi. Antaranya amalan gaji atau upah mengikut hari. Untuk sistem pembayaran gaji bagi sektor pembinaan ini agak berbeza daripada sektor lain di mana sistem pembayaran gaji bagi pekerja yang bekerja dalam sektor pembinaan ini adalah mengikut hasil kerja atau produktiviti (Yusof, 2015). Tempoh masa bekerja adalah bergantung pada peringkat kerja pembinaan dan kesinambungan pekerjaan tersebut juga bergantung pada kebolehan kontraktor atau majikan mereka mendapatkan projek baru. Oleh sebab itu, berlaku isu yang terpaksa dihadapi di mana pekerja mengadu lambat diberi gaji dan terpaksa menanggung hutang piutang. Tetapi, majikan tidak boleh mengubah sistem pembayaran gaji tersebut kerana sektor pembinaan ini merupakan sektor yang berisiko tinggi dan mempunyai persaingan di samping sukar untuk mendapatkan projek secara berterusan.

Selain itu, budaya dan adat resam pekerja asing yang tidak serasi juga merupakan halangan yang dihadapi dalam sektor pembinaan ini. Kebiasaannya, apa-apa projek pembinaan yang dijalankan akan menempatkan pekerja-pekerjanya di rumah kongsi yang mana kebanyakan penghuni rumah kongsi tersebut sudah semestinya dalam kalangan pekerja asing. Bilangan pekerja asing adalah ramai seolah-olah mereka berkampung dan mengamalkan budaya dan cara hidup mereka. Hal ini terbukti di mana di negeri Sabah iaitu di kawasan Kinarut, terdapat satu perkampungan pekerja asing yang sudah sekian lama menetap di sana. Keadaan ini secara tidak langsung akan memberi persepsi yang kurang baik kepada pekerja tempatan untuk bersama-sama bekerja dengan mereka. Pekerja tempatan berasa tidak selesa dan tidak dapat menerima persekitaran seperti ini. Oleh sebab itu juga ia nya menjadi halangan rakyat tempatan untuk bekerja dalam sektor pembinaan.

### **Sektor Yang Berat Sebelah**

Sektor pembinaan merupakan salah satu sektor yang bergantung pada pekerja migran kerana pekerja migran menyumbang dalam perkembangan ekonomi negara. Beberapa kajian menyatakan bahawa permintaan pekerja asing yang ramai telah pun menyebabkan kebanjiran pekerja asing sekali gus akan mewujudkan sindrom kebergantungan yang keterlaluan kepada pekerja asing. Dalam cabaran sumber manusia, terdapat dua isu utama yang perlu diselesaikan iaitu kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan imej yang negatif yang dialami oleh industri atau sektor binaan (Zakaria Mohd Yusof, 2006). Kebergantungan kepada tenaga kerja asing ini juga dikatakan boleh mendatangkan permasalahan seperti kualiti hasil kerja yang tidak memenuhi kehendak majikan atau klien daripada sektor pembinaan tersebut.

Ia akan menjadi satu cabaran kepada majikan kerana perlu memberi tunjuk ajar yang lebih kepada pekerja asing agar kerja yang mereka lakukan bersesuaian dengan permintaan daripada klien. Dalam sesetengah kajian juga menyatakan bahawa ekonomi Malaysia tidak akan berkembang tanpa kehadiran bekerja asing khususnya dalam sektor pembinaan kerana hanya pekerja asing yang sanggup bekerja dalam sektor pembinaan. Pekerja tempatan

dikatakan tidak berminat bekerja dalam sektor pembinaan adalah kerana imej pekerjaan sektor pembinaan ini dianggap rendah dan kotor. Oleh itu, isu kebergantungan kepada pekerja asing tidak akan selesai selagi pemikiran masyarakat tempatan seperti itu.

Selain itu, keadaan tempat kerja atau tapak pembinaan ini juga dikatakan sangat menyedihkan kerana keadaan sangat tidak selesa dan kotor dan sering kali dikaitkan dengan fenomena 3D iaitu 'Dirty, Difficult dan Dangerous' (Razlina, 2015). Ini juga salah satu sebab kenapa masyarakat tempatan tidak berminat untuk bekerja dalam sektor ini. Apabila keadaan yang tidak selesa, ia secara tidak langsung akan menyebabkan kesihatan dan keselamatan pekerja terjejas. Menjaga keselamatan di tempat kerja merupakan salah satu cabaran kepada majikan kerana mereka harus memastikan keselamatan pekerja terjaga agar tidak berlaku sebarang kemalangan yang tidak diingini. Sebagai contoh, jika berlaku kemalangan dan menyebabkan kematian, majikan harus membayar pampasan kepada pekerja asing tersebut.

Pekerja asing yang meninggal dunia semasa bekerja layak menerima wang pampasan sebanyak RM18,000 namun mengikut Perintah Pampasan Pekerja 2005, tanggungan si mati layak mendapat sugu hati tambahan sebanyak RM7,000 seperti yang dikatakan oleh Datuk Seri Ismail Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia pada tiga tahun lepas. Oleh itu, majikan tidak seharusnya memandang remeh berkaitan dengan keselamatan pekerja khususnya di tapak pembinaan kerana dikhuatiri perkara seperti ini akan berlaku.

### **Peranan Kementerian Sumber Manusia Dalam Menangani Masalah Eksploitasi Pekerja Asing**

Menurut Kementerian Sumber Manusia dalam satu kenyataan yang telah dikeluarkan, semua majikan mesti menanggung pembayaran levi pekerja asing baharu dan pekerja asing yang telah memperbaharui Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan pembayaran tersebut telah dikuatkuasakan pada awal Januari 2018 (Berita Malaysia Awani, 2017). Seseengah majikan telah pun melaksanakan tanggungjawab tersebut tetapi dengan cara yang salah di mana mereka meminta pekerja asing untuk membayar kepada mereka sedangkan pembayaran tersebut sepatutnya ditanggung sepenuhnya oleh majikan bukan daripada pekerja. Apabila pihak majikan meminta pekerja membayar levi kepada mereka, ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya eksploitasi terhadap pekerja migran akan berterusan meningkat.

Kegiatan ini semakin menjadi-jadi adalah kerana penguatkuasaan undang-undang yang lemah dan tindakan tidak dikenakan terhadap pihak yang melakukan kegiatan negatif seperti ini. Sepatutnya hukuman berat dikenakan kepada sesiapa sahaja yang menjadi dalang dalam kegiatan negatif seperti ini. Pekerja asing juga mempunyai hak asasi seperti pekerja tempatan tetapi yang menjadi persoalan sehingga kini, kenapa perlu pekerja migran dieksploitasikan sedangkan mereka diperlukan untuk membangunkan ekonomi negara (Abdullah & Dollah, 2017).

Undang-undang seperti Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 perlu dirujuk semula dan diketatkan lagi agar perkara seperti ini tidak berlanjutan. Sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam pengambilan pekerja asing untuk bekerja dalam suatu sektor seperti sektor pembinaan, pihak tersebut perlu memastikan hak dan kebajikan pekerja migran dijaga sepenuhnya (Othman & Rahim, 2013). Selain daripada undang-undang yang lemah, amalan eksploitasi ini boleh berlaku akibat daripada kelemahan pentadbiran dasar, halangan politik domestik, ketidakstabilan struktur makro dan perubahan sosial dalam proses migrasi (Naeim, 2015). Oleh itu, untuk mengelakkan eksploitasi ini semakin berlanjutan, pentadbiran, undang-undang dan pihak yang bertanggungjawab perlu menjalankan tugas dengan amanah dan tulus bukan dengan cara memanfaatkan pekerja migran seperti ini.

### **KESIMPULAN**

Kerajaan telah pun berganti tetapi isu mengenai pekerja asing masih belum menemui penyelesaiannya. Dengan pemerintahan daripada kerajaan baru ini iaitu Pakatan Harapan, satu inisiatif akan dilakukan bagi menangani masalah pekerja asing di Malaysia. Mengikut Astro Awani, (2017), Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan memansuhkan sistem pengambilan pekerja asing melalui ejen atau syarikat tertentu. Sebelum ini, kemasukan pekerja asing adalah menjadi satu tanggungjawab beberapa syarikat mahupun ejen untuk mengawal dan memantau kelakuan pekerja asing. Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa peranan 100 buah syarikat sumber luar yang digunakan oleh Kementerian Dalam Negeri pada masa ini akan diserahkan kepada Agensi Pekerjaan Swasta (APS) di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Semua syarikat yang terlibat dalam pengambilan pekerja asing juga akan diberikan suatu tempoh masa yang akan ditetapkan kemudian, bagi menempatkan pekerja asing di bawah tanggungan atau jagaan mereka kepada majikan

dan sektor tertentu, sebelum pemansuhan itu dikuatkuasakan sepenuhnya. Inisiatif ini dilakukan adalah untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini terus dibangkitkan dari semasa ke semasa oleh beberapa pihak sebelum ini seperti perlakuan tidak adil terhadap pekerja atau pengeksploitasi terhadap pekerja asing dan kes pemerdagangan manusia. Selain itu, Kementerian Dalam Negeri akan mengeluarkan pas lawatan khas bagi pekerja asing yang belum menerima pas lawatan kerja buat sementara waktu. Jika sebelum ini pas pekerja asing yang bekerja di Malaysia perlu mengurus dan disediakan oleh majikan masing-masing, tetapi tidak pada kali ini.

Seperti yang dinyatakan oleh Tan Sri Muhyiddin, dasar pengurusan pekerja asing akan diubah yang mana pas lawatan khas akan diberikan kepada pekerja asing yang belum menerima pas tersebut. Pekerja asing yang masuk ke negara Malaysia akan menjalani pemeriksaan kesihatan bagi memastikan mereka bebas dari sebarang virus penyakit yang mana dikhuatiri akan mendatangkan masalah terhadap penduduk tempatan. Oleh itu, pas ini diberikan kepada pekerja asing adalah bertujuan untuk pekerja asing memiliki dokumen sah ketika proses saringan kesihatan oleh Agensi Pemantauan dan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FOMEMA) dan ia nya sah selama 30 hari.

Selain berkaitan dengan pas untuk mendapatkan dokumen sah, terdapat inisiatif baru dilaksanakan yang mana Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses untuk membolehkan pekerja asing mendapatkan perlindungan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk memastikan pekerja asing ini mendapat manfaat sama seperti pekerja tempatan (Berita Astro Awani, 2017). Menteri Sumber Manusia menyatakan rasional pelaksanaan ini adalah kerajaan akan lebih tahu jumlah sebenar pekerja asing di negara ini berdasarkan jumlah mereka yang diberi pencaruman PERKESO dan jika jumlah itu berkurangan, pihak bertanggungjawab seperti Imigresen mudah mengesan mereka. Maka dengan pencaruman PERKESO ini, isu pemerdagangan manusia dalam kalangan pekerja asing dapat diatasi dengan syarat majikan perlu mencarum untuk setiap pekerja mereka.

Kerajaan baru telah mengarahkan Kementerian Sumber Manusia menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji dan mengemas kini pengurusan pekerja asing serta mengatasi masalah lambakan golongan pekerja asing di negara ini. Kebanjiran pekerja asing dan kemasukan tanpa mematuhi undang-undang yang sedia ada turut memberi impak besar terutamanya berkaitan dengan isu sosial, keselamatan dan peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat tempatan. Oleh sebab itu, Kementerian Sumber Manusia akan meneliti lebih lanjut mengenai beberapa peraturan dan undang-undang yang sedia ada dan jika perlu, jawatankuasa ini akan mencadangkan langkah penyelesaian termasuk menambah baik atau memperkenalkan peraturan baharu bagi mengatasi masalah pekerja asing.

## RUJUKAN

- Ahmad, R. (2014). *Permasalahan pendatang asing tanpa izin di Malaysia dari aspek sosial dan perundangan*. Universiti Utara Malaysia.
- Dollah, R., & Abdullah, K. (2017). Kepadatan pembangunan ekonomi dan dasar tenaga kerja di Sabah, 1960-an – 1980-an. *Jabatan Hal-Ehwal Antarabangsa Universiti Utara Malaysia*, 25, 49-74 *Majikan wajib bayar levi pekerja asing bermula 1 Januari*. Berita Astro Awani.
- Diambil April 11, 2017. dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayaran-levi-pekerja-asing-oleh-majikan-berkuat-kuasa-1-januari-2018-164098>.
- Marhani, M. (2012). Dependency of foreign workers in Malaysia construction industry. *Built Environment Journal*, 9, 39-50.
- Mohamed, R. (2015). *Manpower needs in construction*. Gambang: Universiti Malaysia Pahang.
- Othman, S.A., & Rahim, R. (2014). Migrant workers in Malaysia: Protection of employers. *Pertanika*, 22, 271-282.
- Yusof, Z. (2006, Disember 9-10). Cabaran-cabaran di sektor binaan. In *Proceedings Of Technical and Vocational Education*, Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.